

30/10/2001

Kerajaan jadi sasaran kelemahan pelaksanaan PPRT

KUALA LUMPUR, Isnin - Kerajaan mungkin menjadi sasaran kemarahan rakyat apabila ada orang yang tidak sepatutnya menerima bantuan Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) menikmati program itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri, yang kesal dengan kelemahan pelaksanaan PPRT sehingga niat baik kerajaan untuk membantu golongan daif boleh menyebabkan rakyat marah, berkata bagi menanganinya, menteri harus turun ke padang.

"Masalah ini sudah lama berlaku. Bila kita nak tolong orang miskin kita terpaksa bergantung kepada orang tertentu memberi laporan kepada kita siapa yang sepatutnya dapat.

"Kadang-kadang orang ini, dia mungkin ada pilih kasih. Jadi orang yang tak patut dapat pula dapat... orang yang patut dapat, tak dapat. Yang kena marah ialah kerajaan," katanya selepas merasmikan Persidangan Persatuan Bekalan Air Antarabangsa (IWA) mengenai Pengurusan Air dan Air Buangan untuk Negara Membangun di sini, hari ini.

Berita Harian Selasa lalu melaporkan, kelemahan pelaksanaan menyebabkan sebahagian besar projek untuk meningkatkan pendapatan rakyat menerusi PPRT kurang berjaya.

Laporan itu memetik Jabatan Audit Negara yang mendapati ada orang memiliki kereta dan rumah besar serta berpendapatan melebihi paras kemiskinan, sepatutnya tidak layak, menerima bantuan mengikut program itu.

Selain itu, sejumlah RM17.18 juta daripada peruntukan bagi 1998 dan 1999 yang sudah diagihkan kepada tujuh agensi pelaksana bagi melaksanakan program itu, belum dibelanjakan agensi terbabit.

Dr Mahathir berkata, bagi menangani masalah itu, menteri yang bertanggungjawab harus turun ke bawah untuk mengenal pasti masalah.

"Kita terpaksa guna pegawai atau ahli-ahli politik di situ (kawasan), seperti wakil rakyat. Wakil rakyat dia nak pilih siapa, saya tak tahu. Kadang-kadang dia pilih tak kenalah," katanya.

Mengenai desakan beberapa Ahli Parlimen supaya beliau memecat menteri Kabinet yang gagal menjalankan tugas, Perdana Menteri berkata:

"Yalah, kita boleh gugur semua wakil rakyat yang tak hadir (di Dewan Rakyat), kita boleh gugur juga. Jadi bila kita baling batu, kita kena tentukan tak kena balik nanti. Kita duduk dalam rumah cermin macam itu, kita baling batu, pecah semualah."

Mengenai pencerobohan warga asing terhadap tanah rizab Melayu di Selayang, beliau berkata agak sukar untuk menentukannya melainkan pegawai kerajaan memerhatikan gejala itu setiap masa.

Katanya, kadangkala pegawai yang bertanggungjawab tidak tahu mengenai kewujudan pembangunan haram itu kerana memikirkan ia sudah mendapat kelulusan untuk berbuat demikian.

"Selepas itu bila kita periksa, barulah kita tahu. Jadi, bukanlah sesuatu yang boleh dikatakan kerana rasuah, seperti cerita orang. Kadang-kadang benda ini tumbuh begitu saja," katanya.

Perdana Menteri berkata, masalah juga timbul akibat kelemahan sistem pentadbiran yang menyebabkan peruntukan diberi, gagal dibelanjakan.

"Bukan tak nak belanja tetapi prosedurnya memakan masa begitu lama. Kadang-kadang nak ambil tanah sampai setahun. Kita buat peruntukan RM100 juta tahun ini tetapi nak ambil tanah saja setahun, jadi tak belanjalah RM100 juta. Ini kerana sistem.

"Malah, ada juga masalah yang kita tak jangka timbul. Orang ramai tidak

akan mahu memberikan tanahnya percuma, mereka berbalah mengenai nilainya. Kita tak boleh ambil tanah, jadi memakan masa. Walaupun demikian kita cuba cari jalan untuk mempercepatkan," katanya.

Beliau berkata, walaupun tuduhan berlaku amalan rasuah turut dilemparkan dalam kes pencerobohan seperti itu, ia sukar dibuktikan.

(END)